

KEBANGKITAN DAN PERJUANGAN  
PERSATUAN GURU-GURU MELAYU  
PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI.

1920 - 1950

oleh

AMINAH MOHAMAD NOR

Kajian Ilmiah bagi memenuhi syarat  
Ijazah Sarjana Muda Sastera  
Bahagian Sejarah,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang.

Sidang Akademik 1977/1978

(i)

Babak ini adalah satu usaha untuk membentangkan  
kepentingan perpaduan guru-guru Melayu Pulau  
Pinang dan Siberut. **PENDAHULUAN** ia adalah maklumat  
sejarah tentang kandungan mewujud di bawah perintah  
perpaduan.

### HIDUP GURU-GURU - HIDUP BERBAKTI!

Inilah cogankata yang senantiasa di-  
laung-laungkan oleh guru-guru Melayu  
di Pulau Pinang semenjak tahun 1920 apabila Persatuan Guru-Guru Melayu  
Pulau Pinang dan Jajahannya telah di-  
tubuh.

Apakah yang menyebabkan guru-guru Melayu lalu yang  
mengalami perubahan sejalan dengan itu.

Maka kali-sekali kepada pembaharuan dan pengeluaran  
Persatuan Guru-Guru Melayu Pulau Pinang dan sebarang  
peristiwa dan orang yang memerlukan diambil dalam  
ketimpang sejarah Guru-Guru Melayu (P.G.M.) di  
tempoh itu. Apa yang dibersifatkan adalah walaupun  
berkenaan Pulau seberangnya.

Ketika itu diantara pulih 1950 terdapat seorang  
lelaki yang mempunyai nama yang berbeza-beza  
seperti Ahmad, Abdul, Ali dan sebagainya. Beliau dia  
dikenali sebagai Ahmad bin Haji Mohamed. Pada tahun 1955 dia akhirnya berjuang  
menjadi seorang guru di sebuah sekolah cipta milik ketua.  
Semasa dia masih seorang guru berdaftar Pusat Mohamed  
dapat mengalih alih seorang guru Yang Dipertua  
sebuah sekolah cipta Inggeris Pegunungan Penang.  
Dulu dia dianggap sebagai seorang guru yang

(ii)

Kajian ini adalah satu usaha untuk membentangkan kepentingan perjuangan guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai dalam usaha mereka untuk memperbaiki keadaan mereka di bawah perintah penjajah.

Saya memilih tajuk ini kerana sangat sedikit telah disebut dalam sejarah Tanah Melayu yang ditulis sebelum ini tentang betapa pentingnya Persatuan Guru-Guru Melayu. W.R. Roff, dalam bukunya Nasionalisma Melayu telah menyebut sedikit tetapi tidak mendalam kegiatan persatuan-persatuan itu. Peranan Guru-Guru Melayu tidak langsung diberi tempat yang sewajarnya dalam perkembangan sejarah negara. Bagaimanakah guru-guru Melayu berkecimpung dalam bidang politik selepas perang? Apakah asasnya? Saya rasa Persatuan Guru-Guru Melayulah yang memainkan peranan meletakkan asas itu.

Kajian ini terhad kepada penubuhan dan kegiatan Persatuan Guru-Guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai kerana ianya yang terawal sekali ditubuh dalam kalangan Persatuan Guru-Guru Melayu (P.G.M.) di Malaya ini. Apa yang diperjuangkan adalah sama dengan lain-lain P.G.M. selepasnya.

Kajian ini ditamatkan pada 1950 kerana selepas ini PGMPSS telah menukar corak dari berbentuk sosial kepada politik apabila ianya menjadi Kesatuan dan berdaftar di bawah Undang-undang Kesatuan Sekerja (Trade Union). Dalam tahun 1946 ia telah berjuang bersama-sama UMNO di bawah KPGMS untuk menuntut kemerdekaan. Pada masa ini terdapat Encik Mohamed Nor bin Ahmad bertugas sebagai Naib Yang Dipertua KGMPPS sambil memegang jawatan Pegawai Penerangan UMNO Bahagian Pulau Pinang.

Perjuangan KGMPPS selepas 1950 harus menjadi satu kajian yang lain.

Pada awalnya ia dikenali sebagai Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Jajahan tetapi dalam masa ia mengembang telah mengalami empat kali pertukaran nama. Pada 1934 telah dikenali sebagai Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai. Kemudian dalam tahun 1950 telah ditukar pula kepada Kesatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang Seberang Perai. Sepuluh tahun kemudian telah berbalik kepada Persekutuan. Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963 ia bertukar pula menjadi Kesatuan Guru-guru Malaysia Barat cawangan Pulau Pinang.

Dalam perjalanan dan perkembangannya dari hari ia dilahirkan pada tahun 1920 sehingga 1949 apakah yang telah dicapai? Mengikut perlembagaan kegiatan-kegiatan adalah ditumpukan kepada membaiki keadaan guru-guru Melayu yang pada masa itu tertindas. Tetapi adakah itu saja yang diperjuangkan, iaitu nasib guru Melayu sahaja atau adakah perjuangan persatuan ini lebih luas lagi?

Kerana sumber asal yang agak terhad saya terpaksa menumpukan kajian ini berpandu kepada minit-minit mesyuarat PGMPPS dari tahun 1920 hingga 1939 serta Lapuran Tahunan dalam jangka waktu yang sama. Malangnya dokumen-dokumen dan surat-menyurat lain tidak ada sebab, mengikut Tuan Mohammad Zain bin Haji Ayub, pengasas PGMPPS itu, "telah pun hilang atau pun terbakar hangus bersama-sama dengan rumah saya di Kuala Kangsar apabila kena bomb pada masa Jepun dahulu." Nasib baik minit-minit mesyuarat itu telah diselamatkan dan disembunyi oleh Incik Mohamad Nor bin Ahmad, yang menjadi setiausaha semasa Jepun menyerang. Barangkali Incik Mohamad Nor tahu kepentingan minit

mesyuarat itu kepada Persatuan kemudian hari nanti. Tanpa minit-minit itu tentu sekali saya tidak dapat membuat kajian ini.

Selain daripada minit-minit itu saya juga menggunakan majalah terbitan PGMPSS iaitu Panduan Guru dan juga Majalah Guru.

Kerana minit mesyuarat hanya memberi penerangan sehingga 1939 dan masa diantara 1940 hingga 1949 tidak ada apa-apa rekod saya terpaksa menggunakan sumber-sumber lisan dan juga majalah Jubli Emas bagi P.G.M.P.P.S. dan 20 Tahun KPGMS - KPGM - PTM Berjuang.

Kajian ini akan saya mulakan dengan keadaan pendidikan anak-anak Melayu menjelang tahun 1920. Mengapakah pendidikan itu menjadi penting? Pendidikan adalah darah daging guru dan saya rasa pendidikan yang diterima oleh anak-anak Melayu pada masa itu yang bakal menjadi guru adalah satu faktor yang penting yang akan membawa kesedaran kepada guru-guru Melayu dan seterusnya kepada penubuhan PGMPSS itu.

Kajian ini akan saya kaitkan dengan latihan guru dan pengaruh SITC keatas guru-guru sekolah Melayu dalam tahun-tahun 1920-1930 an.

Seterusnya kajian ini akan saya tumpukan kepada kegiatan-kegiatan yang diusahakan oleh PGMPSS dalam mencapai matlamatnya dari tahun 1920 hingga 1949.

Walaupun kecil sumbangannya dalam bidang sejarah tanahair sendiri tetapi kesedaran guru-guru yang berpendidikan dalam tahun-tahun 1920 an telah menunjukkan adanya semangat dan kesedaran baru dalam kalangan orang Melayu yang berterusan sehingga membawa kepada semangat Nasionalisme Melayu yang makin marak selepas dasar Disentralisasi dalam tahun 1930 an.

Keadaan ini seiring pula dengan zaman meleset yang menambah kesusahan dan penderitaan rakyat.

Kajian PGMPPS sebagai satu persatuan yang tunggal belum pernah lagi dijalankan tetapi perjuangannya sebagai cawangan kepada kesatuan Guru-guru Melayu Semenanjung dalam tahun-tahun menuntut Kemerdekaan jelas ada. Saya harap kajian ilmiah ini akan dapat memberi sumbangan terhadap sejarah tanah air pada masa yang akan datang.

Saya juga berhutang budi kepada pehak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, beberapa orang penyeayah yang telah memberi nasihat dan kepada tuoh-tukuh yang saya temui. Hanya dengan pertolongan-pertolongan inilah kajian ilmiah ini dapat dikesalkan.

Aminah Mohamad Nor

### PENGHARGAAN

Saya ingin menyampaikan ucapan terimakasih saya yang tidak terhingga kepada Dr. R. Suntharalingam yang telah memberi nasihat dan tunjukajarnya yang berharga dalam kajian ini.

Terimakasih saya juga saya arahkan kepada pehak Persatuan Guru-Guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai yang telah meminjam sumber-sumber yang saya amat-amat perlui.

Saya juga terhutang budi kepada pehak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, beberapa orang pensyarah yang telah memberi nasihat dan kepada tokoh-tokoh yang saya temui. Hanya dengan pertolongan-pertolongan inilah kajian ilmiah ini dapat dihasilkan.

Latihan Guru .....

Kesimpulan .....

Catatan .....

Aminah Mohamad Nor

### 2. KE ARAH PERUBURAN.

Kesedaran .....

Tindakan .....

Pembubaran PGHPPS .....

Tujuan .....

Keahlilan .....

Kesimpulan .....

Catatan .....

	<u>ISI KANDUNGAN</u>			<u>HALAMAN</u>
PENDAHULUAN	...	..	..	i
PENGHARGAAN	...	..	..	vi
SENARAI LAMPIRAN	...	..	..	x
ABREVIASI	...	..	..	xl
 <u>BAB PERSATUAN DENGAN IKHTIAR</u>				
1. KEADAAN GURU-GURU MELAYU DI PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI MENJELANG 1920.				
Pendidikan	...	..	..	1
Latihan Guru	...	..	..	4
Kesimpulan	...	..	..	6
Catitan	...	..	..	8
Catatan Mengenai Ke-Nakah				43
2. KE ARAH PENUBUHAN.				45
Kesedaran	...	..	..	10
Tindakan	...	..	..	15
Penubuhan PGMPJP	...	..	..	17
Tujuan	...	..	..	18
Keahlian	...	..	..	19
Kesimpulan	...	..	..	20
Catitan	...	..	..	22
Kesimpulan				54
Catitan				55

3.	MENINGGIKAN BAHASA DAN PENGETAHUAN.	50
	Karang-mengarang .. ..	23
	Pengeluaran Majalah .. ..	27
	Khutub Khanah .. ..	31
	Kesimpulan .. ..	32
	Catitan .. ..	34
4.	PERSATUAN DENGAN IKTISAD DAN KEBAJIKAN.	
	Perniagaan .. ..	36
	Syarikat Guru-Guru .. ..	38
	Khairat Mati .. ..	39
	Hadiah Pelajaran .. ..	40
	Hadiah Perkahwinan .. ..	42
	Cuti Bergaji Ke Mekah .. ..	43
	Kesimpulan .. ..	45
	Catitan .. ..	46
5.	MATI, HIDUP KEMBALI.	
	Pendudukan Jepun .. ..	47
	Hidup Kembali .. ..	48
	K.P.G.M.S. .. ..	50
	PGMPPS menjadi KGMPPS .. ..	52
	Kesimpulan .. ..	54
	Catitan .. ..	55

TINJAUAN KEMBALI.	...	56
Catitan	..	60
LAMPIRAN	...	
PENERANGAN TENTANG	Al-Lahyathan Muhammad bin	
LAMBANG PPGMS.	Haji Abu'l Matalib	61
vii	Gambar Isaih Muhammad Zain bin	
	Haji Ayob, J.P.	
BIBLIOGRAFI	..	63
iii	Gambar Majlis Pegawai-Pegawai PGMPPI,	
	1920.	
iv	Gambar halat majalah <u>Panduan Guru</u> .	
	Kasih yang pertama dikeluarkan,	
	Julut, 1922.	
v	Gambar surat rasmi yang diterbitkan	
	dari pada Persekutuan Guru-Guru	
	Selangor, Negeri Sembilan	
	dan Melaka, 1925.	
	ooooo	
vi	Gambar halit <u>Majalah Guru</u> yang	
	pertama selepas gabungan dengan	
	PGMPPI, Ogos, 1925.	
vii	Gambar halit <u>Majalah Guru</u> yang di-	
	terbit di Pulau Pinang, 1940.	
viii	Gambar halit <u>Majalah Guru</u> yang beras-	
	askan di Rumikan, Januari, 1950.	
ix	Gambar Isaih Mohamed Nor bin Ahmad	
	DJS, AMP, JP.	
x	Gambar Lulusan-PGMPPI.	
	ooooo	

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN-LAMPIRAN:

- i Gambar Allahyarham Muhammad bin Haji Abdul Mutalib, 1925.
- ii Gambar Incik Muhammad Zain bin Haji Ayob, J.P.
- iii Sinarai Pegawai-Pegawai PGMPPJ, 1920.
- iv Gambar kulit majalah Panduan Guru. Naskah yang pertama dikeluarkan, Julai, 1922.
- v Salinan surat 'Ucapan Keriangan daripada Persekutuan Guru-Guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka', 1925.
- vi Gambar kulit Majalah Guru yang pertama selepas gabongan dengan PGMPJS, Ogos, 1925.
- vii Gambar kulit Majalah Guru yang diterbit di Pulau Pinang, 1940.
- viii Gambar kulit Majalah Guru yang baru apabila di Rumikan, Januari, 1950.
- ix Gambar Incik Mohamad Nor bin Ahmad DJN, AMN, JP.
- x Gambar Lambang PGMPJS.

oo0oo

## ABREVIASI

SEDAWAH GURU-GURU MELAYU DI PULAU PINANG	
PGM	Persatuan Guru-Guru Melayu
PGMPPJ	Persatuan Guru-Guru Melayu Pulau Pinang dan Jajahan
PGMPPS	Persatuan Guru-Guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai
KGMPPS	Kesatuan Guru-Guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai
KPGMS	Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjong
KPGMB	Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat
PGMS	Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor
PGMNS	Persatuan Guru-Guru Melayu Negeri Sembilan
Y.A.B.	Yang Amat Berhormat

Sekolah Inggeris yang mula-mula adalah sekolah yang didirikan seperti Free School pada tahun 1816 yang telah dimulakan oleh Reverend Batthings, untuk mendidik anak-anak tempatan.<sup>2</sup> Walau pun ini bermaksud yang baik bagi anak-anak Melayu tetapi kurang mampu yang kompat dengan dan sejajar dengan ia tidak dimaklumkan kepada anak-anak Melayu melainkan dari golongan yang berada saja. Anggaran bahawa "seminya mampu belaki

## BAB I

### KEADAAN GURU-GURU MELAYU DI PULAU PINANG

#### dan SEBERANG PERAI MENJELANG 1920

Untuk mengetahui dan memahami keadaan guru-guru Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai menjelang 1920, jelas yang penting ialah pendidikan dan latihan yang mereka terima masa itu. Pendidikan awal akan menjadi asas perbandingan penghidupan di kampung dan di bandar yang akan menjadi faktor penting membawa kesedaran kepada guru-guru Melayu yang melanjutkan latihan di Maktab Perguruan nanti.

#### PENDIDIKAN

Pendidikan utama bagi anak-anak Melayu ialah pendidikan ugama oleh haji-haji atau lebai-lebai kampung. Sikap konservatif guru-guru ugama yang menanamkan pandangan bahawa apa saja yang tidak berkait dengan ugama Islam adalah haram, telah di-exploit oleh kerajaan Inggeris. Memang polisi kerajaan Inggeris pada masa itu adalah untuk memencangkan sebahagian besar dari masyarakat Melayu dari aliran perubahan sosial dan ekonomi yang sedang berlaku di sekitar mereka.<sup>1</sup> Apabila A.M. Skinner telah memulakan sekolah Vernacular Melayu di Seberang Perai pada tahun 1871, guru-guru ugama yang menjadi guru-guru di sekolah-sekolah itu.<sup>2</sup>

Sekolah Inggeris yang mula-mula adalah sekolah yang didirikan seperti Free School pada tahun 1816 yang telah dimulakan oleh Reverend Hutchings, untuk mendidik anak-anak tempatan.<sup>3</sup> Walaupun ini bermakna peluang yang baik bagi anak-anak Melayu tetapi kerana masalah wang, tempat tinggal dan ugama ia tidak diminati ramai anak-anak Melayu melainkan dari golongan yang berada saja. Anggapan bahawa "semua murid lelaki

yang tinggal di asrama sebagai berugama Kristian"<sup>4</sup> menjadi halangan yang terbesar sekali. Walau pun biasiswa telah ditawarkan kepada anak-anak Melayu yang lulus Darjah IV sekolah Melayu tetapi mengikut Allahyarham Muhammad bin Haji Abdul Mutalib, penuntut yang mula-mula ditawar biasiswa ke sekolah itu; "scholarship pada masa itu hanya setahun sahaja..... dan bukan pula ada tempat yang hendak duduk belajar sekolah Inggeris itu melainkan duduklah kita dimana-mana.."<sup>5</sup>

Pada tahun 1901 telah terdapat pula undang-undang yang memaksa semua anak-anak Melayu berumur antara 7 hingga 14 tahun dihantar ke sekolah vernakular. Ibu-bapa yang menentang undang-undang ini akan didenda sebanyak \$5 atau pun 5 hingga 7 hari penjara.<sup>6</sup> Undang-undang ini telah menjadi batu penghalang kepada anak-anak Melayu untuk melanjut pelajaran ke sekolah Inggeris kerana mereka akan kelebihan umur. Apabila di sekolah Inggeris timbul pula masalah-masalah yang lain seperti bahasa. Selepas mendapat didikan dalam tulisan dan bacaan Jawi kanak-kanak ini terpaksa berubah kepada Rumi dan bahasa pula diubah dari Melayu ke Inggeris.<sup>7</sup>

Sebenarnya Free School telah membuka satu kelas bahasa Melayu di kawasan sekolahnya dan murid-murid untuk kelas ini telah diambil dari yang lulus Darjah IV di sekolah Sungai Gelugor. Pada tahun 1821 sekolah ini adalah yang tertua dan terbaik sekali didirikan di kampong. Incik Mohammad bin Haji Mutalib adalah seorang daripada murid-murid itu.

Sehingga tahun 1880 beberapa lagi buah sekolah Melayu telah didirikan di Bayan Lepas, Permatang Damar Laut, Penaga, Telok Ayer Tawar, Kampong Tok Gelam dan Kampong Tok Jaya. Sekolah-sekolah itu berbentuk pondok sahaja dan pendidikan hanya diberi kepada anak-anak lelaki sahaja.

Pada tahun 1884 pula sebuah sekolah untuk anak-anak perempuan telah dibina di Bayan Lepas. Guru Besar sekolah itu ialah Puan Zaharah binti Nasruddin, ibu kepada Incik Muhammad bin Haji Abdul Mutalib dan guru ugama di kampong itu. Oleh itu murid-murid perempuan yang pertama di sekolah itu adalah murid-murid ugamanya sendiri.<sup>8</sup>

Selepas dari itu beberapa buah lagi sekolah perempuan telah dibuka: - 1921 di Kelawei, 1923 di Jelutong dan 1924 di Sungai Gelugor.

Seperti yang telah dikatakan tadi, sekolah-sekolah Vernacular ini hanya memberi pendidikan di peringkat rendah sahaja, tidak memberi faedah yang besar kepada anak-anak Melayu tetapi adalah untuk kepentingan Penjajah, seperti yang dikata oleh Dr. Awang Had Salleh, iaitu;

"untuk mendapat kestabilan politik (kaum penjajah sendiri), pengekalan status quo, penyediaan pekerja-pekerja rendah dan penghapusan buta huruf."<sup>9</sup>

dalam lain perkataan Penjajah tidak ingin melihat orang-orang Melayu keluar dari kampong dan berpelajaran tinggi kerana takut mereka akan boleh berfikir.

Dalam tahun 1902 R.J. Wilkinson, dalam laporannya tentang pelajaran anak-anak Melayu, menegaskan yang sekolah Melayu tidak lengkap untuk mengujud ketua atau membekal penuntut-penuntutnya dengan asas yang cukup dalam bidang-bidang kesusasteraan Melayu iaitu kesusasteraan klasik dan kesusasteraan moden.<sup>10</sup>

Kalau ditinjau tentang pendidikan kanak-kanak Melayu sebelum 1920 terdapatlah sebab-sebab mengapa Orang-orang Melayu tertinggal dalam bidang ekonomi dan pelajaran. Dasar penjajah yang ingin mengekal-kal orang-orang Melayu di kampong telah dijayakan oleh

sikap konservatif alim ulama Islam. Ini membawa kepada orang-orang Melayu tidak mahu langsung berusaha lebih untuk mengantar anak-anak mereka ke sekolah tinggi. Betul orang Melayu miskin tetapi dengan usaha yang lebih tentu mereka dapat membaiki keadaan seperti yang terjadi selepas tahun 1920. Guru-guru sebelum itu juga tidak ada apa-apa kelayakan langsung. Selain daripada membina sekolah tidak ada perkembangan dalam bidang pendidikan anak-anak Melayu. Yang mengajar dan yang diajar mempunyai pengetahuan yang sama saja tarafnya.

Walaubagaimana pun perubahan telah mula menjengok selepas tahun 1920.

#### LATIHAN GURU

Menjelang tahun 1920 an masalah kekurangan guru menjadi serious. Murid-murid dan sekolah bertambah<sup>11</sup> tetapi bilangan guru masih rendah.

Satu cara untuk mengatasi kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah Melayu ialah murid-murid yang lulus Darjah IV atau V dan berkebolehan serta berminat, telah diambil bertugas sebagai guru-murid (pupil teacher), di sekolah asalnya dengan gaji sebanyak \$7 sebulan. Sistem ini telah dimulakan oleh Reverend J. Keaseberry pada tahun 1872 di Singapura dengan memberi latihan guru selama setahun. Sekolah ini diganti oleh sebuah Maktab Melayu pada tahun 1878 di Istana Lama Sultan Johore di Telok Belanga.<sup>12</sup>

Malangnya Maktab Melayu ini telah ditutup dalam tahun 1895. Dalam masa usianya selama 17 tahun ia telah mengeluarkan guru-guru yang pertama sekali terlatih di British Malaya.<sup>13</sup>

Guru-guru yang terlatih di Pulau Pinang pada masa itu amatlah terhad. Pada tahun 1894 daripada 4 orang penuntut yang berlatih di Maktab Melayu di

Singapura hanya 2 orang sahaja yang lulus. Di Pulau Pinang pada masa itu terdapat 80 buah sekolah (termasuk Seberang Perai) dengan hanya 36 orang guru yang terlatih.<sup>14</sup>

Walaubagaimana pun usaha melatih guru-guru Melayu tidaklah terhenti dengan penutupan Maktab Melayu itu kerana dalam tahun 1900, 2 buah Maktab Peguruan telah tertubuh serentak di Melaka dan di Taiping.<sup>15</sup> Maktab di Melaka<sup>16</sup> adalah untuk melatih guru-guru dari negeri-negeri di Tanah Melayu manakala maktab di Taiping adalah khas untuk menampung kekurangan guru di negeri Perak sahaja. Maktab Taiping telah hidup dua tahun sahaja dan diganti oleh maktab di Matang pada tahun 1913. Kedua-dua maktab di Melaka dan di Matang<sup>17</sup> itu telah berfungsi serentak sehingga sebuah maktab pusat telah ditubuh di Tanjung Malim dalam tahun 1922.<sup>18</sup>

Penubuhan maktab pusat di Tanjung Malim ialah dengan usaha Sultan Perak. Beliau memang sangat berminat tentang pelajaran dan selalu mengambil berat tentang pelajaran anak negeri. Dengan persetujuan dan kata sepakat antara Sultan Perak dan R.O. Winstedt sebuah maktab latihan untuk guru-guru Melayu telah dibuka di Tanjung Malim. Maktab itu diberi nama Maktab Latihan Sultan Idris (S.I.T.C.) sempena nama bapa Sultan Perak iaitu Yang Maha Mulia Sultan Idris Murshidul A'zam Shah yang semasa hidupnya juga telah mengambil berat tentang pendidikan rakyatnya.<sup>19</sup>

Tujuan latihan yang diberi di maktab ini ialah untuk "melatih guru-guru yang boleh bersesuaian hidup dikalangan masyarakat luarbandar dan mengajar murid-murid untuk berbuat demikian."<sup>20</sup>

Fikiran di belakang tujuan ini saya rasa amatlah sengkat sebab pengaruh yang dirasai oleh guru-guru yang telah terlatih di S.I.T.C. amatlah kuat. Saya akan

mengambil satu bahagian lain untuk menunjukkan pengaroh SITC keatas guru-guru Melayu dalam PGMPGS nanti.

Apabila tamat latihan guru-guru ini dihantar balik untuk bertugas di kampong mereka tetapi di Pulau Pinang kampong bermakna berbatu-batu jauh dari pada tempat tinggal mereka sendiri. Umpamanya seorang yang tinggal di Bayan Lepas, seperti Incik Mohamad tadi, ditugas mengajar di sekolah di Permatang Damar Laut dan terpaksa berjalan kaki tiap-tiap hari.

### KESIMPULAN

Jelas betapa mundurnya keadaan guru-guru Melayu menjelang tahun 1920.

Kerana sikap konservatif yang ditanam oleh alim ulama, saya diceritakan, guru-guru itu tidak mahu memakai seluar panjang, haram konin, jadi mereka terus memakai kain pelaikat dan baju teluk belanga dan songkok; walaupun untuk mengajar senaman.<sup>21</sup>

Sebelum maktab untuk latihan guru-guru diadakan keadaan di sekolah Melayu adalah boleh diibaratkan seperti sibuta memimpin sibuta. Jadi dalam bidang pendidikan terdapat satu keadaan yang stagnasi.

Tujuan pendidikan untuk orang-orang Melayu adalah supaya;

"mereka (orang-orang Melayu) mempelajari tabiat-tabiat kerajinan, mengikut perintah, mengikut masa yang tepat (punctuality), ketertiban, teratur kebersihannya dan mempunyai kelakuan yang baik."<sup>22</sup>

Dengan tertubuhnya maktab-maktab perguruan, guru-guru dalam tahun 1920 keatas adalah yang lebih berkelibar. Dengan pengalaman dan pengetahuan yang dibawa balik dari bandar mereka tentu dapat mengubah sikap orang-orang kampong yang hidup seperti katak

di bawah tempurung itu.

Walaubagaimana pun sikap konservatif orang Melayu masih berterusan dengan tidak membenar anak-anak perempuan berkecimpung dalam bidang pelajaran. Tempat perempuan ialah di rumah. Sikap ini telah beransur hilang apabila sebuah maktab untuk guru-guru perempuan telah dibuka pada tahun 1935 di Durian Daun, Melaka.<sup>23</sup>

Dengan adanya pendidikan yang lebih baik kerana terdapat latihan yang lebih rapi muncullah satu era baru bagi guru-guru di Pulau Pinang khasnya.

6. Legislative Council Proceedings, Straits Settlements, 1907, School Attendance Bill, hal. B 35.
7. Report of the Committee appointed by His Excellency The Governor and High Commissioner to enquire the working of the System of Education Grants - in - Aid in the Straits Settlements and the Federated Malay States, 1927, hal. B 105.
8. Mohamed bin Haji Abdul Matalib, surat kepada Muzahim Guru, Ogos/September, 1926 hal. 162.
9. Awang Rad Salleh, Ph.D., Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Mala, Zaman British, D.B.P., Kuala Lumpur, 1975, hh. 10-13.
10. Leb Fook-seng, pp. cit., hh. 25-37.
11. Awang Rad Salleh, Pengajaran dan Perguruan, hh. 9-15, Penambahhan sekolah antara 1910-1931  
1910            -      93 buah sekolah Melayu  
1924            -      98     "      "      "  
1931            -      102    "      "      "
12. Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony, No. 4, Straits Settlements, Thursday, 27th., February, 1894, hh. C37, C38.
13. Awang Rad Salleh, Pengajaran dan Perguruan, hal. 30.
14. Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony, No. 4, Straits Settlements, Thursday, 27th., February, 1894, hal. C36.

## Catitan Bab I

1. Loh Fook-seng, Seeds of Separatism, Kuala Lumpur, 1975, hal. 30.
2. Chang, Ming Phang, Paul, Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum, Kajian Kes Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975, hh. 12-13.
3. Wong Hoy Kee, Francis, Education in Malaya, Hong Kong, 1971, hh. 13-14.
4. Chelliah, D.D., A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements, Singapore, 1960, hal. 42.
5. Muhammad bin Haji Abdul Mutalib, surat kepada Majalah Guru, Ogos/September, 1926, hh. 162-164.
6. Legislative Council Proceedings, Straits Settlements, 1902, School Attendance Bill, hal. B 35.
7. Report of the Committee appointed by His Excellency The Governor and High Commissioner to consider the working of the System of Education Grants - in - Aid in the Straits Settlements and the Federated Malay States, 1922, hal. B 105.
8. Muhammad bin Haji Abdul Mutalib, surat kepada Majalah Guru, Ogos/September, 1926 hal. 162.
9. Awang Had Salleh, Ph.D., Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya, Zaman British, D.B.P., Kuala Lumpur, 1975, hh. 10-13.
10. Loh Fook-seng, op. cit., hh. 25-37.
11. Awang Had Salleh, Pengajaran dan Perguruan, hh. 9-15. Penambahan sekolah antara 1916-1931:

1916	-	93	buah sekolah Melayu
1924	-	98	" " "
1931	-	102	" " "
12. Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony, No. 4, Straits Settlements, Thursday, 22nd., February, 1894, hh. C37, C38.
13. Awang Had Salleh, Pengajaran dan Perguruan, hal. 30.
14. Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony, No. 4, Straits Settlements, Thursday, 22nd., February, 1894, hal. C36.

15. Awang Had Salleh, Pengajaran dan Perguruan, hal. 38.
16. Ibid, hal. 39.
17. Guru-guru yang bersosial sekaiki
18. H dari Muktah Ibid, hal. 30. Tetapi biasanya di
19. Buyung Adil, Sejarah Perak, D.B.P., Kuala Lumpur, hh. 105-107.
20. Chang Ming Phang, op. cit., hal. 40.
21. Wawancara dengan Incik Mohammad Zain bin Haji Ayob, J.P., Ipoh, Perak, 27.6.1977.
22. Ibrahim Saad, Pendidikan dan Politik di Malaysia, D.B.P., Kuala Lumpur, 1977, hal. 15.
23. Awang Had Salleh, Pengajaran dan Perguruan, hh. 59-62.

#### KESEDARAN

Telah disebutkan wujud rasi tentang keadaan sekolah Melayu yang serba kurang itu; seperti bangunan tanpa bilik, buku teks yang tidak mencukupi dan lain-lain. Bangunan tanpa bilik memberi kesukaran kepada guru dan murid yang tidak dapat menangguhan perhatian penuh kepada gurunya kerana keadaan di bilik darjah di sebelah lebih menarik perhatiannya. Sentiase terdapat keadaan bising di dalam sekolah itu, terutama lagi kalaus di sebelah sedang menghafal alif berantai-ramai.<sup>1</sup>

Kesukaran sekerasnya ialah kekurangan bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Melayu.<sup>2</sup> Buku teks bukan sahaja kurang bahkan tidak bermute yang sungguh. Buku-buku itu hanya memberi pengajaran akhlak tetapi tidak ada pendidikan sains atau teknologi.

Dalam kita melihat kekurangan dalam bidang sekolah dan pengajaran sahaja, bagaimana pula keadaan

## BAB II

### KEARAH PENUBUHAN

Guru-guru kelulusan maktab yang terawal sekali ialah dari Maktab Teluk Belanga. Tetapi biarpun di mana mereka dilatih, Teluk Belanga, Matang, Melaka atau pun S.I.T.C., mereka semua bernasib baik dapat meluaskan pandangan di samping meninggikan pengetahuan. Dengan itu, apa yang dibimbangkan sangat oleh Kerajaan Kolonial telah berlaku. Segolongan orang-orang Melayu telah dapat berfikir. Mereka menyoal mengapa anak-anak bangsa asing dapat memegang jawatan-jawatan kerajaan di bandar manakala anak-anak Melayu masih berkhidmat dengan bumi? Mereka sedar yang pendidikan yang diterima oleh anak-anak Melayu itulah puncanya dan kemunduran itu pula adalah sebab latarbelakang guru-guru Melayu sendiri.

### KESEDARAN

Telah disebutkan awal tadi tentang keadaan sekolah Melayu yang serba kurang itu; seperti bangunan tanpa bilik, buku teks yang tidak mengcukupi dan lain-lain. Bangunan tanpa bilik memberi kesukaran kepada guru dan murid yang tidak dapat menumpukan perhatian penuh kepada gurunya kerana keadaan di bilik darjah di sebelah lebih menarik perhatiannya. Sentiasa terdapat keadaan bising di dalam sekolah itu, terutama lagi kalau kelas di sebelah sedang menghafal sifir beramai-ramai.<sup>1</sup>

Kesukaran seterusnya ialah kekurangan bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Melayu.<sup>2</sup> Buku teks bukan sahaja kurang bahkan tidak bermutu langsung. Buku-buku itu hanya memberi pengajaran akhlak tetapi tidak ada pendidikan sains atau teknologi.

Di sini kita melihat kekurangan dalam bidang sekolah dan pengajaran sahaja, bagaimana pula keadaan

guru-guru itu sendiri? kerana benderaan adalah sukar.

Barangkali faktor yang amat menyedihkan bagi guru-guru sekolah Melayu pada masa ini ialah gaji yang amat rendah kalau dibandingkan dengan guru-guru sekolah Inggeris. Guru-guru terlatih sekolah Melayu menerima  $\frac{1}{3}$  sahaja daripada gaji yang diterima oleh guru pelatih sekolah Inggeris.<sup>3</sup> Perbezaan ini dikatakan adalah kerana guru-guru sekolah Inggeris berkelulusan lebih tinggi dari guru-guru sekolah Melayu.<sup>4</sup>

Perkara ini memang tidak dapat dinafikan. Guru-guru sekolah Melayu berkelulusan Sekolah Rendah sahaja, kemudian masuk berlatih di Mactab selepas menjadi guru pelatih selama dua tahun. Di Mactab Perguruanlah mereka mendapat pelajaran yang tertinggi. Seorang bekas penuntut S.I.T.C. telah mengatakan "masuk S.I.T.C. samalah masuk ke Universiti."<sup>5</sup> Begitulah tingginya pandangan mereka terhadap Mactab Perguruan. Guru-guru sekolah Inggeris pula berkelulusan Senior Cambridge dan juga berpeluang melanjutkan pelajaran ke Universiti.

Sebelum 1893 guru-guru sekolah Melayu yang terlatih mendapat hitung panjang gaji kira-kira \$11 tiap-tiap bulan. Dalam 1902 seorang guru pelatih menerima gaji sebanyak \$72 setahun (\$6 sebulan) dalam tahun pertama dan \$96 setahun (\$8 sebulan) dalam tahun kedua. Bandingkan gaji ini dengan gaji yang diterima oleh seorang penarik pungkah atau seorang tukang sapu sampah yang menerima \$96 setahun, seorang peon atau pembawa surat yang menerima \$120 setahun dan dinaikkan menjadi \$144 setahun selepas enam tahun.<sup>6</sup> Keadaan ini tentu menjadikan jawatan guru di Sekolah Melayu sebagai satu jawatan yang tidak menarik.

Selain daripada sungutan tentang gaji guru-guru sekolah Melayu di Pulau Pinang sebelum penubuhan Persatuan telah terpaksa berjalan berbatu-batu ke

sekolah tiap-tiap hari kerana kenderaan adalah sukar.

Banyak sungutan dan rayuan telah dibuat kepada Tuan Nazir dan juga golongan atasan di Pejabat Pelajaran tetapi semuanya tidak mendapat apa-apa layanan. Tuan Nazir adalah seorang Inggeris dan kakitangannya walau-pun berbangsa Melayu, kuat pula mengampu. Walaupun Tuan Nazir ingin memberi bantuan dengan cuba mengambil tahu tentang keadaan guru-guru Melayu, beliau selalu mendapat jawapan seperti, "tidak ada apa-apa Tuan, semuanya baik" dari golongan yang suka mengampu. Kalau tidak mengampu pun tidak akan selamat kerana yang berkuasa ialah Orang Putih.

Guru-guru yang selalu membuat bising dan bersungut-sungut akan ditukar ke tempat yang lebih jauh dan berpisah pula dengan anak isteri.<sup>7</sup>

Mengikut sistem pada masa itu sekolah-sekolah Melayu di Pulau Pinang dibahagi kepada kumpulan di mana tiap-tiap sepuluh buah sekolah adalah terletak dibawah kawalan kumpulan atau Guru Pelawat itu mestilah berkelulusan dan dari Mactab Teluk Belanga dan berpengetahuan sedikit bahasa Inggeris. Nazir sekolah-sekolah mestilah orang Inggeris. Sebelum tahun 1920 tidak ada Penolong Nazir tetapi pada bulan Januari 1920 jawatan Penolong Nazir telah diadakan bagi seorang Melayu yang berkelulusan Inggeris.<sup>8</sup>

Tugas Guru-guru Pelawat itu adalah melawat sekolah-sekolah dalam kumpulannya untuk memberi apa-apa keterangan dari pehak kerajaan atau Pejabat Pelajaran atau pun bantuan-bantuan yang perlu. Dengan ini mereka berpeluang bergaul rapat dengan guru-guru dibawah jagaan mereka dan hanya kepada guru-guru Pelawat inilah saja guru-guru itu dapat mencurahkan segala rasa hati mereka yang penuh dengan ketidak puas hatian itu. Guru-guru kumpulan itu memang sedar akan kesukaran guru-guru itu dan amat bersimpati dengan

mereka. Tetapi seperti yang dikatakan tadi mereka tidak berdaya membuat apa-apa kerana tidak ada siapa di Pejabat Pelajaran yang dapat membantu mereka.

Walaubagaimana pun keadaan ini telah menyedar guru-guru kumpulan ini supaya cuba membela nasib guru-guru mereka. Individu-individu yang telah mula mengorak langkah bagi kemajuan masyarakat guru-guru Melayu sebelum 1920 ialah Allahyarham Mohammad bin Haji Mutualib,<sup>9</sup> Incik Mohammad bin Md. Diah, Incik Puteh bin Md. Amin, Incik Puteh bin Mohammad, Incik Puteh bin Ahmad dan beberapa orang lagi guru-guru Pelawat semuanya.<sup>10</sup>

Yang dianggapkan pemimpin pada masa itu ialah Allahyarham Muhammad bin Haji Mutualib yang telah di-peranakkan di Bayan Lepas pada 13.7.1868. Beliau mendapat pendidikan di sekolah Melayu Bayan Lepas pada 1874. Oleh kerana tentangan kuat dari datoknya beliau tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris walaupun beliau adalah seorang penuntut yang terbaik. Walaubagaimana pun atas desakan gurunya beliau telah mengambil peperiksaan untuk mendapat biasiswa ke sekolah Penang Free pada tahun 1879. Pemeriksanya pada masa itu ialah Tuan A.M. Skinner selaku Nazir sekolah-sekolah di negeri-negeri Selat. Incik Mohammad telah mendapat tempat kedua dalam peperiksaan itu dan pada bulan Januari 1880 beliau telah masuk ke sekolah Penang Free. Oleh kerana biasiswa yang ditawarkan adalah untuk setahun sahaja beliau telah keluar kembali dalam bulan Disember 1880. Selama tiga tahun beliau tidak membuat apa-apa melainkan menolong ibubapanya di kampong. Pada tahun 1883 beliau dihantarkan berlatih di Maktab Melayu di Teluk Belanga, oleh Shik Imam, seorang 'Visiting Teacher', dari Singapura. Sekembali beliau dalam tahun 1884 telah ditugas mengajar di sekolah Permatang Damar Laut. Pada tahun 1890 telah dilantik menjadi guru besar Sekolah Bayan Lepas. Pada

### Lampiran i

Tahun 1912 dilantik pada menjadi guru besar di Sekolah Chouranta (pusat negara aktiviti sekolah Melayu pada masa itu), dan seterusnya dinasikan pangkat sebagai Guru Kumpulan pada tahun 1920.

Sejak tahun 1886 itu beliau telah banyak berjasa kepada bangsa مجله کورو [ 162 ]

menulis buku dan artikel dalam berbagai  
peranginan. Kali ini  
bagai guru besar  
pada tahun 1920.  
Kelasci,  
telah ber  
jasa seorang  
kan bintang  
oleh Kerajaan  
Beliau telah  
75 tahun.

Sifat  
kemanduran  
mendorong  
cari jalan  
menambah  
Melayu. Upaya  
pun tidak  
mereka ini  
singgutan  
tetapi per-



Incik Muhammad bin Haji Abdul Mutalib

Namun begitu dia selalu berusaha untuk membantu dan dorongan yang ada untuk membela jasam kepada guru-guru untuk bersatu. Peluang ini diberi dalam tahun 1920.

tahun 1912 dilantik pula menjadi guru besar di Sekolah Chowrasta (pusat segala aktiviti sekolah Melayu pada masa itu), dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Guru Kumpulan pada tahun 1920.

Sejak tahun 1884 itu beliau telah banyak berjasa kepada bangsa Melayu terutama kaum wanita, dengan mendirikan beberapa buah sekolah bagi murid-murid perempuan di Pulau Pinang. Sekolah yang pertama sekalii ialah di Bayan Lepas dengan ibunya sendiri sebagai guru besarnya dalam tahun 1884. Seterusnya pada tahun 1921 sebuah sekolah perempuan dibuka di Kelawei, 1923 di Jelutong dan 1924 di Gelugor. Beliau telah bersara pada tahun 1924 dan sebagai mengenang jasa seorang yang berdedikasi beliau telah dikurniankan bintang kebaktian I.S.M. (Imperial Service Medal) oleh Kerajaan British pada bulan Julai 1925.<sup>11</sup> Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1942 berusia 75 tahun.

Sifat dedikasi dan kesedaran yang timbul tentang kemunduran guru-guru dan sekolah-sekolah Melayu telah mendorong Incik Mohammad dan rakan-rakannya untuk mencari jalan membaiki keadaan mereka. Satu cara ialah menubuh sekolah-sekolah perempuan supaya wanita-wanita Melayu tidak tertinggal dalam bidang pendidikan. Walau-pun tidak terdapat satu pertubuhan yang tertentu tetapi mereka ini cuba seberapadaya menyampaikan sungutan-sungutan guru-guru itu kepada pehak yang berkuasa. Tetapi pergerakan pada masa itu tidaklah dinamis kerana tokoh-tokoh itu tidak dapat bersatu dan pentingnya tidak terdapat satu ketua yang dapat menyatukan mereka.<sup>12</sup>

Namun begitu guru-guru Pelawat ini telah memberi satu dorongan yang baik dan telah membuka jalan kepada guru-guru untuk bersatu. Peluang ini timbul dalam tahun 1920. <sup>perancangan juga.</sup><sup>13</sup>

TINDAKAN

Nasib guru-guru Melayu telah mula nampak cerah apabila pada bulan Januari 1920 terlantik seorang Melayu sebagai Penolong Nazir di Pulau Pinang buat pertama kalinya. Penolong Nazir ini adalah bertanggong-jawab keatas keadaan sekolah-sekolah Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Beliau ialah Incik Mohamad Zain bin Haji Ayob. (Tuan Nazir bagi sekolah-sekolah pada masa itu ialah Tuan M.T. Clark).

Beliau dilahirkan di Taiping pada 31.3.1897. Selepas tamat pelajaran di sekolah Melayu Taiping, seperti juga semua anak-anak Melayu pada masa itu, di peringkat Darjah V beliau telah menjadi guru pelatih di sekolah itu pada tahun 1908. Beliau mendapat latihan guru dari Maktab Perguruan Melayu Melaka dari tahun 1909 hingga 1911. Apabila tamat latihan beliau telah menjadi guru di Kurau, Perak dan pada tahun 1912 telah dilantik menjadi Guru Besar di Sekolah Melayu Simpang, Taiping. Kerana beliau memangnya seorang yang cergas otak dan ingin pengetahuan, beliau telah keluar dari jawatan guru dan terus belajar Inggeris di Sekolah King Edward VII di Taiping dari tahun 1913 hingga 1915, bila beliau telah lulus pepereksaan Senior Cambridge. Dari tahun 1916 hingga 1918 beliau telah bertugas sebagai seorang kerani di Pejabat Penguasa Pekerjaan Tanah, Kedah Utara di Alor Setar.

Kebolehan beliau dalam bidang pendidikan tidak dapat diketepikan dan dalam tahun 1919 beliau telah diberi jawatan Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu Selangor yang pertama, di bawah arahan Tuan R.O. Winstedt yang pada masa itu memegang jawatan Penguasa Pelajaran Tanah Melayu. Pada 1hb. Januari 1920 beliau telah ditukarkan pula ke Pulau Pinang sebagai Penolong Nazir yang pertama juga.<sup>13</sup>

Dengan latarbelakang yang begitu kukuh dan

pengalaman yang banyak itu, Incik Mohamad Zain sedar akan segala yang dialami oleh orang-orang Melayu amnya dan guru-guru Melayu khasnya. Kerana beliau juga berjiwa kemajuan beliau tidak sanggup melihat kemunduran anak-anak Melayu. Beliau berpendapat bahawa jalan yang sebaik-baiknya untuk menolong anak-anak Melayu ialah melalui pendidikan yang baik. Pendidikan pula adalah dalam tangan guru-guru Melayu, oleh itu keadaan guru-gurulah yang harus diperbaiki dulu.

Peranan guru amatlah penting dalam masyarakat dan untuk seorang guru menjalankan tugasnya dengan baik dia haruslah dihormati. Tugas beliau yang pertama ia-  
lah mengubahkan cara panggilan yang lazim dipakai kepada guru-guru di Pulau Pinang pada masa itu, seperti meletakkan 'Abang', 'Nana', 'Bapa' atau 'Mamak' di hadapan nama guru-guru itu. Semasa itu Incik Mohamad bin Haji Abdul Mutalib sedang bertugas sebagai Guru Kumpulan dan kerana ia tinggal di rumah sekolah Chowrasta dia digelar 'Pak Mat Chowrasta'. Incik Mohamad Zain telah tamatkan panggilan seperti itu dan digantikan dengan panggilan 'Che Gu' kepada semua guru-guru.<sup>14</sup> Panggilan ini telah memberikan satu identiti kepada kaum guru.

Guru-guru Melayu di Pulau Pinang dan Seberang Perai pada masa itu tidak pernah berkumpul beramai-ramai untuk menukar pendapat kerana tempat-tempat yang berjauhan antara satu sama lain. Peluang berhimpun hanya timbul sebulan sekali pada hari pembayaran gaji yang diadakan di Sekolah Chowrasta. Itu pun, bukanlah semua guru-guru itu hadzir mengambil gaji mereka sendiri tetapi wakil-wakil sekolah, yang bergilir tiap-tiap bulan, saja yang datang dengan tambang dibayar oleh rakan-rakan sekolahnya. Satu penyelesaian harus dicari untuk menyatukan guru-guru itu.

Lampiran ii



TUAN HAJI MUHAMMAD ZAIN BIN HAJI AYOB J.P.

sebagai wakil bagi tiap-tiap kumpulan telah dilantik seperti dalam Lampiran ii di sebelah.

Incik Mohamad Zain juga berhubung rapat dengan guru-guru kumpulan yang telah disebut tadi. Kali ini sungutan-sungutan yang dibawa oleh mereka mendapat sepasang telinga yang sudi mendengar Incik Mohamad Zain juga telah terbaca di dalam suratkhabar tempatan artikel-artikel yang telah di tulis oleh guru-guru di bawah nama samaran kerana takut dikecam oleh pehak kerajaan.

Incik Mohamad Zain tahu yang hanya dengan kata sepakat dan secara ramai saja dapat guru-guru bertindak dan ini bermakna juga melalui satu pertubuhan yang sah.

#### PENUBUHAN P.G.M.P.P.J.

Pada 6hb. Ogos 1920, bertempat di bangunan lama Sekolah Chowrasta (di mana terletaknya Pusat Balai Polis sekarang), satu mesyuarat telah diadakan oleh Incik Mohamad Zain dengan guru-guru Kumpulan dan guru-guru Besar bagi sekolah-sekolah Melayu di Pulau Pinang dan Jajahannya (termasuk Seberang Perai, Dinding dan Pulau Pangkor). Seramai 65 orang telah hazir dan mesyuarat itu telah dipengerusi oleh Incik Mohamad Zain sendiri. Mesyuarat dengan sebulat suara telah bersetuju untuk membentuk satu Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Jajahan dengan Incik Mohamad Zain sendiri menyusun perlembagaannya.<sup>15</sup>

Dengan penuh azam dari semua pehak satu mesyuarat agong telah dipanggil lebih kurang sebulan kemudian pada 3hb. September 1920.<sup>16</sup> Incik Mohamad Zain percaya yang kalau hendak mengetuk besi itu biarlah semasa ia masih panas. Mesyuarat Agong itu telah dihaziri oleh 96 orang. Selepas mendengar perlembagaan Persekutuan, Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Mesyuarat sebagai wakil bagi tiap-tiap kumpulan telah dilantik seperti dalam Lampiran iii di sebelah.

### Lampiran iii

#### PEGAWAI - PEGAWAI PGMPJ 1920

Penaung:	Tuan M.T. Clark
Yang Dipertua:	Incik Mohd. Zain Hj. Ayob
Setiausaha:	Incik Ishak Md. Taib
Penolong Setiausaha:	Incik Abu Bakar Naina Fakir
Bendahari:	Incik Mohammad Hj. Ab. Mutalib
Pemeriksa Kira-kira:	Incik Cik Chik bin Tajuddin
Penjaga Kutub Khanah:	Incik Hj. Hashim Abd. Rahman
Ketua Pemainan Bola Sepak:	Incik Abu Bakar Abdullah
Penolong Ketua Permainan:	Incik Md. Isa Hj. Hasan
Ketua Bola Sepak Seberang Perai:	Incik Mustafa Abu Bakar
Penolong Bola Sepak Seberang Perai:	Incik Shabudin Maydin

#### AHLI MESYUARAT

Incik Muhamad bin Hj. Ab. Mutalib:	Kumpulan Bandar
Incik Mohamad bin Mohammadiyah:	Kumpulan Bayan Lepas
Incik Puteh bin Md. Amin:	Kumpulan Balik Pulau
Incik Cik Chik bin Tajudin:	Kumpulan Penaga
Incik Puteh bin Muhammad:	Kumpulan Air Gading
Incik Arshad bin Hj. Omar:	Kumpulan Permatang Pauh
Incik Ishak bin Tajudin:	Kumpulan Bukit Mertajam
Incik Puteh bin Ahmad:	Kumpulan Dinding dan Pangkor
Incik Puteh bin Hj. Husin:	Kumpulan Nibong Tebal

Dengan tujuan-tujuan itu PGMPJ berharap dapat membentuk satu masyarakat guru-guru Melayu yang bersatu, berakhlak tinggi dan dengan iklas mendidik anak bangsa dan berbaik-baik kepada negara. Menerusi usaha-usaha ini cegahnya "Hidup Guru-diup Berbaik-baik" telah terbentuk.

Setakat ini tidak terdapat apa-apa tentang dari Kerajaan British. Rasa saya ini adalah disebabkan terdapat syarat bahawa Yang Dipertua Persatuan mestilah Penolong Nazir, Kakitangan Kerajaan, dan penubuhan Persatuan juga boleh menjadi satu cara kerajaan mengawal kegiatan guru-guru.

Persatuan ini pada awalnya telah mengambil nama Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Jajahan. Jajahan merujuk kepada daerah-daerah yang termasuk dalam pentadbiran kerajaan British di Pulau Pinang yang pada masa itu maseh dalam wilayah Negeri-negeri Selat iaitu Seberang Perai, Dinding dan Pulau Pangkor. Persatuan ini telah didaftarkan pada 7hb. Mac 1921.

#### TUJUAN

Mengikut perlembagaan tujuan asas PGMPPJ ialah;

"Mengukuh setia guru-guru, dan melatih adab bangsa Melayu dan mengadakan sebuah khutub khanah."<sup>17</sup>

Jelas terlihat dalam tujuan asas ini bahawa PGMPPJ adalah sebuah penubuhan bercorak sosial. Tiga perkara penting yang ingin diperjuangkan adalah menanamkan semangat kesetiaan dan dedikasi dikalangan guru-guru, mengukuh dan mengekalkan adab bangsa Melayu dan meninggikan pengetahuan guru-guru Melayu melalui banyak membaca. Bahasa Melayu guru-guru juga dianggap rendah mutunya dan perlu diperbaiki melalui banyak membaca terutama majalah dan buku-buku dari penulis-penulis Indonesia yang dianggap mempunyai kesusasteraan yang lebih tinggi.

Dengan tujuan-tujuan itu PGMPPJ berharap dapat membentuk satu masyarakat guru-guru Melayu yang bersatu, beraklak tinggi dan dengan ikar mendidik anak bangsa dan berbakti kepada negara. Menerusi semangat ini cogankata "Hidup Guru-Hidup Berbakti" telah terbentuk.

### KEAHLIAN

Ahli-ahli PGMPPJ dalam tahun 1920 adalah 30 orang bekas penuntut Mactab Perguruan Telok Belanga, 110 orang dari Mactab Perguruan Melayu Melaka dan 100 orang lagi guru-guru yang tidak terlatih. Penyokong kuat Persatuan adalah datangnya dari guru-guru lepasan dari Mactab Melayu Telok Belanga.

Mengikut aturan yang disediakan tiap-tiap guru, terlatih atau tidak, dengan sendirinya menjadi ahli Persatuan. Guru-guru terlatih dikenakan bayaran yuran sebanyak 50 sen sebulan manakala guru-guru pelatih hanya dikehendaki membayar \$1 sebagai bayaran menjadi ahli tanpa apa-apa bayaran lagi sehingga mereka menjadi guru terlatih kelak. Bagi guru-guru yang menerima kenaikan gaji pada 1hb. Januari 1921 sehingga \$40 sebulan terpaksa membayar yuran sebanyak \$1 sebulan. Yuran dipotong terus dari gaji tiap-tiap bulan oleh guru besar yang menyerahkannya kepada Guru Kumpulan masing-masing.<sup>18</sup>

Dengan peraturan ini akan bermakna yang kesemua guru-guru sekolah Melayu di Pulau Pinang dan Jajahannya telah menjadi ahli PGMPPJ. Bilangan yang terbanyak sebelum Perang Dunia ke II ialah 800 orang atau lebih dari lebih kurang 100 buah sekolah.<sup>19</sup>

Menjadi ahli kepada Persatuan ini telah memberi satu perasaan kepunyaan (sense of belonging) kepada guru-guru tersebut. Sekarang mereka merasa lebih selamat kerana adanya tempat bergantung. Interaksi antara guru-guru juga lebih lagi selepas penubuhan PGMPPJ itu. Kalau dulunya sebahagian daripada guru-guru saja yang datang berhimpun pada hari gaji sekarang terdapat ramai lagi guru-guru yang datang menghaziri mesyuarat Agong Persatuan. Dimesyuarat-mesyuarat itu mereka dapat bertukar-tukar fikiran dan pendapat tentang hal-hal dan masalah mengajar dan peribadi.

Masalah ahli-ahli juga dibawa berbincang oleh Jawatan-kuasa semasa mesyuarat. Persatuan bukan hanya setakat menyelesaikan masalah mengajar tetapi juga kesoal peribadi ahli-ahli sendiri, seperti masalah kewangan, perumahan dan lain-lain.<sup>20</sup>

Guru-guru juga dapat bersatu melalui permainan, pasukan pancaragam dan juga pergerakan Pengakap guru-guru Pulau Pinang yang ditubuh dalam tahun 1924 dibawah pimpinan Allahyarham S.M. Zainal Abidin dan dibantu oleh Allahyarham Hashim bin Md. Taib.

Penyatuan yang dianggap penting bukanlah sekadar diantara guru-guru Melayu di Pulau Pinang dan Jajahan sahaja bahkan dengan guru-guru Melayu dari negeri-negeri lain seperti Pahang, Johor, Kedah, Perlis dan Perak melalui permainan dan dengan menyertai dalam pengeluaran Majalah Guru dalam tahun 1925 telah pula bersatu dan bekerjasama dengan Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor.<sup>21</sup> Tentang pengeluaran majalah akan di-terangkan dengan lebih lanjut lagi nanti.

Keahlian wanita tidak terdapat sehingga 1935 apabila sebuah Maktab Perguruan Perempuan dibuka di Durian Daun, Melaka. Ahli wanita yang mula-mula diterima ialah pada tahun 1937 iaitu golongan yang mula-mula sekali lulus dari Maktab tersebut. Pada mulanya keahlian wanita ini mendapat tentangan hebat dari golongan tua tetapi akhirnya diterima juga sebab ahli yang muda telah lebih ramai dari yang tua terutama dari ahli-ahli lulusan S.I.T.C. yang penuh dengan ide-ide baru.

### KESIMPULAN

Sebabnya tertubuh PGMPPJ dalam tahun 1920 itu boleh ditinjau dari dua aspek iaitu aspek masalah dan kesukaran yang ditanggung oleh guru-guru dan juga kesedaran tokoh-tokoh tertentu tentang keadaan tersebut.

Dalam bidang masalah guru-guru, layanan kerajaan British yang tidak memuaskan dan senantiasa menindas bersaing pula dengan keadaan dan suasana pekerjaan yang serba kurang dan gaji yang begitu rendah. Tambahan pula tidak ada tempat yang mereka hendak tuju untuk mengadu nasib.

Tekanan-tekanan ini bukan saja dirasai oleh guru-guru biasa tetapi juga oleh Guru-guru Kumpulan yang hanya dengan bersatu dalam satu bentuk pertubuhan dapat mereka mencari jalan keluar.

Dari segi kesedaran tokoh-tokoh dapat dilihat dalam usaha Allahyarham Muhammad bin Hj. Abdul Mutalib dan rakan-rakannya, yang telah mengorak langkah. Seterusnya dapat dilihat dalam usaha Incik Mohamad Zain bin Hj. Ayob yang datang bertugas sebagai Penolong Nazir, dan memimpin menukuhan PGMPPJ dalam tahun 1920. Semenjak hari itu telah menjadi tradisi bahawa Yang Dipertua Persatuan Guru-guru Melayu dimana-mana negeri pun akan dipegang oleh Penolong Nazir sehingga tradisi ini dipecahkan dalam tahun 1946.

Dalam tujuan asas PGMPPJ terkandung erti yang amat luas untuk membentuk guru-guru yang taat setia, bersatu padu, berakhhlak tinggi, berdedikasi serta berpengetahuan luas.

Langkah yang utama ialah menyatukan guru-guru melalui permainan dan beberapa kegiatan lain. Saya rasa dalam tujuan ini PGMPPJ telah berjaya dan guru-guru tidak lagi berasingan dalam kumpulan masing-masing, mereka juga berpeluang bersuara dalam Mesyuarat Agong PGMPPJ.

CATITAN BAWAH BAB II

1. Mason, F.M.A., The Schools of Malaya, hal. 10.
2. Ibid.
3. Winstedt, R.O., Education in Malaya, Singapore, 1923, hal. 112-113.
4. Winstedt, R.O., op. cit., hal. 113.
5. Wawancara dengan Incik Mohamad Nor bin Ahmad, D.J.N., A.M.N., J.P., Pulau Pinang, 10.7.1977.
6. Awang Had Salleh, Pelajaran dan Perguruan, hal. 21.
7. Jubli Emas P.G.M.P.P.S., hal. 20.
8. Ibid. Hal. 18.
9. Majalah Guru, Ogos-September, 1926, hal. 163.
10. Jubli Emas, hal. 20.
11. Majalah Guru, Ogos-September, 1926, hal. 162-163.
12. Wawancara dengan Incik Mohamad Zain bin Haji Ayob, J.P., 27.6.1977.
13. Ibid.
14. Mohamad Zain bin Haji Ayob, "Kata-Kata Aluan", Jubli Emas, Pulau Pinang, 1972.
15. Minit Mesyuarat, P.G.M.P.P.J., 6.8.1920.
16. Ibid., 3.9.1920.
17. Ibid., 26.11.1920.
18. Lapuran Tahunan P.G.M.P.P.S., 14.1.1921.
19. Wawancara dengan Incik Mohamad Nor bin Ahmad, D.J.N., A.M.N., J.P., Pulau Pinang, 10.7.1977.
20. Wawancara dengan Incik Mohamad Zain bin Haji Ayob, J.P., 27.6.1977.
21. Majalah Guru, Ogos, 1925, hal. 142.

### BAB III

#### MENTINGGIKAN BAHASA DAN PENGETAHUAN

Dalam tahun-tahun 1920an hingga 1930an Bahasa Melayu boleh dikatakan sebagai satu bahasa yang mati. Pandangan ini berpunca dari kedudukan yang didapati oleh golongan-golongan yang berpendidikan Inggeris. Selepas tamat pengajian di sekolah Rendah anak-anak Melayu terus kembali kepada tugas asal sebagai petani manakala yang lulus dari sekolah Inggeris mendapat jawatan dengan kerajaan. Kerana itu bahasa Melayu bukan sahaja dipandang rendah bukan sahaja oleh orang-orang Inggeris atau pun oleh orang-orang asing tetapi berlebih-lebih lagi oleh orang-orang Melayu sendiri, yang berpendidikan Inggeris dan berpangkat tinggi.<sup>1</sup> Dari itu golongan yang dapat mempertahankan dan memperjuangkan bahasa Melayu dengan mempertinggikan tarafnya ialah guru-guru Melayu sendiri.

Langkah-langkah mempertinggikan bahasa Melayu dikalangan guru-guru terdapat dalam beberapa bidang. Sebagai langkah pertama kegunaan bahasa Melayu dalam tiap-tiap mesyuarat Persekutuan telah diwajibkan iaitu dalam pertuturan, menulis minit-minit mesyuarat, segala surat-menyerat dan lain-lain perkara yang berkait dengan PGMPJ. Kegunaan bahasa asing adalah ditegahkan sama sekali.<sup>2</sup>

#### KARANG-MENGARANG

Untuk menggalakkam guru-guru agar berani mengeluarkan ide-ide sendiri satu peraduan karang-mengarang telah dianjurkan oleh Persatuan atas galakan Incik Mohamad Zain. Ahli-ahli telah diminta mengirim sebuah karia tiap-tiap bulan kepada Setiausaha Persekutuan. Mana-mana karia yang dianggap baik akan dicetak dan di-

hantar ke sekolah-sekolah untuk dijadikan bahan ~~orang~~  
bacaan. Dengan ini timbullah bakat-bakat yang telah  
muncul sebagai penulis dalam majalah Persatuan iaitu  
Panduan Guru dalam tahun 1922. Bakat-bakat ini ada-  
lah Incik Mohamad Yasin bin Abdul Rashid yang telah  
menjadi penyusun (editor) Panduan Guru, Incik Che  
Chik bin Tajuddin dari Penaga, Incik Waldin bin  
Ibrahim dari Telok Ayer Tawar, Mohamad Hashim bin  
Nordin dari Datok Kramat dan ramai lagi yang kemudian-  
nya menjadi penulis-penulis dalam Panduan Guru.

Karia-karia yang ditulis adalah berkait dengan  
tajuk-tajuk yang cuba membuka mata orang-orang Melayu  
seperti dalam ruangan yang bertajuk "Siasatan Kemajuan  
Bangsa" yang ditulis oleh seorang yang menggelar diri-  
nya Mahbang. Karia ini membandingkan peradaban antara  
kaum Barat dengan kaum Melayu.

Dalam bulan Mac tahun 1922 satu lagi peraduan  
karang-mengarang yang agak besar dianjurkan untuk ahli-  
ahli persatuan. Semua guru-guru di Pulau Pinang dan  
Jajahan telah diseru untuk mengambil bahagian. Tajuk  
karangan ialah "Darihal Bangsa Melayu." Penulis-  
penulis dikehendaki membandingkan keadaan bangsa Melayu  
dengan bangsa-bangsa asing di Tanah Melayu ini dalam  
segala bidang.<sup>3</sup> Sambutan bagi peraduan ini sangatlah  
baik. Jumlah karangan yang diterima ialah 60 buah dan  
pemenangnya ialah Incik Mohamad Hashim bin Nordin.<sup>4</sup>  
Dalam karangannya beliau telah memerangkan betapa  
pentingnya pelajaran kepada anak-anak Melayu yang se-  
belum kedatangan Barat dianggap 'lalai' dan 'bòdoh'.<sup>5</sup>

Peraduan seperti ini diteruskan tiap-tiap tahun.<sup>6</sup>  
Bidang karang-mengarang ini telah bertambah baik mutu-  
nya dengan adanya guru-guru kelulusan S.I.T.C. selepas  
tahun 1925. Guru-guru ini memang lebih aktif dan penuh  
dengan ide-ide baru. Ini adalah atas daya usaha  
Pengetuanya, Tuan O.T. Dussek, yang dianggap oleh